

NOTIS PENTING:**Penukaran Konsep Syariah kepada Tawarruq bagi semua Kad Kredit-i CIMB Islamic Bank Berhad**

21 November 2025

Pelanggan Yang Dihargai,

Kami ingin memaklumkan bahawa konsep Syariah bagi semua Kad Kredit-i CIMB Islamic, termasuk perkhidmatan yang berkaitan yang kini berada di bawah konsep Ujrah, akan ditukar kepada konsep Tawarruq, berkuat kuasa pada 1 Januari 2026 ("Penukaran").

Berikut merupakan Kad Kredit-i CIMB Islamic yang terlibat:

No.	Produk	SEDIA ADA	BERKUAT KUASA 1 JANUARY 2026		
		Konsep Syariah	Konsep Syariah	Nama Produk	Ciri-ciri Produk
1	CIMB PETRONAS Visa Platinum-i	Ujrah	Tawarruq	Tiada Perubahan	Tiada Perubahan
2	CIMB PETRONAS Visa Infinite-i	Ujrah	Tawarruq	Tiada Perubahan	Tiada Perubahan
3	CIMB Platinum-i Mastercard	Ujrah	Tawarruq	Tiada Perubahan	Tiada Perubahan
4	CIMB Preferred Visa Infinite-i	Ujrah	Tawarruq	Tiada Perubahan	Tiada Perubahan

Sebagai sebahagian daripada usaha industri perbankan untuk menambahbaik kewangan patuh Syariah, industri akan beralih kepada konsep Syariah yang seragam bagi semua bank, dan ini akan termasuk CIMB Islamic Bank Berhad. Inisiatif ini direka untuk memberikan ketelusan dan konsistensi dalam amalan perbankan Islam, memastikan keperluan kewangan anda dipenuhi secara berterusan.

Kami ingin menekankan bahawa peralihan ini bertujuan untuk menambahbaik pengalaman pelanggan secara keseluruhan dan menyelaraskan amalan industri. Walaupun matlamat segera adalah untuk mewujudkan keseragaman konsep Syariah, ini tidak mengehadkan keupayaan industri untuk berinovasi atau meneroka konsep patuh Syariah lain pada masa hadapan.

Peralihan ini dipantau dan dikawal rapat oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menjaga kepentingan semua pelanggan dan memastikan proses berjalan dengan lancar.

Maklumat Utama Mengenai Konsep Tawarruq

Struktur Syariah

Tawarruq, juga dikenali sebagai Komoditi Murabahah, melibatkan dua kontrak jual beli.

- Kontrak Pertama – Bank menjual komoditi kepada anda (Pemegang Kad) secara bayaran tertangguh.
- Kontrak Kedua – Seterusnya, Bank bagi pihak anda menjual komoditi yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan segera.

Murabahah merujuk kepada jual beli di mana kos belian (Harga Belian Bank) dan margin keuntungan (Jumlah Keuntungan) didedahkan kepada anda bagi menentukan Harga Jualan Bank.

Istilah baharu dibawah konsep Tawarruq untuk makluman:

1. Harga Jualan Bank

Jumlah maksimum yang perlu dibayar oleh anda, yang merangkumi Harga Belian Bank + Jumlah Keuntungan.

Harga Jualan Bank akan dipaparkan dalam Penyata Kad Kredit anda bermula Januari 2026.

2. Harga Belian Bank

Jumlah had kredit yang diluluskan serta tambahan 50% daripada had kredit tersebut. Ini merupakan kos Bank semasa memperoleh komoditi.

3. Jumlah Keuntungan

Keuntungan maksimum yang dikenakan, dikira berdasarkan Harga Belian Bank, Kadar Keuntungan Siling, dan Tempoh. Jumlah Keuntungan ini merupakan sebahagian daripada Harga Jualan Bank.

Klik [sini](#) untuk membaca Soalan Lazim (FAQ) mengenai penukaran ini

Klik [sini](#) untuk membaca Terma dan Syarat Kad Kredit CIMB Islamic Bank Berhad bertarikh 12 Disember 2025 (pindaan kepada Terma dan Syarat Ujrah untuk memasukkan Penukaran ini)

Klik [sini](#) untuk membaca Terma dan Syarat Kad Kredit CIMB Islamic Bank Berhad bertarikh 1 Januari 2025

Perkara yang Perlu Anda Ketahui:

- **Tiada Perubahan pada Kad Anda:** Manfaat, ciri dan perkhidmatan kad anda kekal sama.
- **Berhati-hati dengan Penipuan:** Sentiasa sahkan mesej dan e-mel daripada CIMB. Jangan klik pautan yang mencurigakan.
- **Tarikh Akhir Sebelum Penukaran:** 20 Disember 2025.
- **Tarikh Berkuat Kuasa Penukaran:** 1 Januari 2026.

Maklumat untuk Pelanggan Mengikut Kategori:

Pemegang Kad Kredit-i Sedia Ada (Pemegang Kad Sedia Ada)	
Jika anda SETUJU dengan Penukaran	Tiada tindakan diperlukan daripada anda (termasuk Pemegang Kad Utama dan Tambahan) • Anda boleh terus menggunakan Kad Kredit-i anda seperti biasa. • Dengan meneruskan penggunaan kad, anda: - dianggap bersetuju dengan Penukaran, termasuk pelantikan Bank sebagai ejen anda untuk melaksanakan urusan niaga perdagangan komoditi. - terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Kredit CIMB Islamic Bank Berhad yang dikemas kini bertarikh 1 Januari 2026.
Jika anda TIDAK SETUJU dengan Penukaran	Hanya pemegang kad Prinsipal dikehendaki menghubungi Bank sebelum 20 December 2025. Cara untuk menolak Penukaran: 1) Hubungi atau email Bank: • Pusat Panggilan Pengguna di +603 6204 7788 • Hantar email kepada kami di contactus@cimb.com 2) Hantar permohonan anda melalui Secured Messaging di CIMB OCTO App: Langkah 1: Buka Aplikasi CIMB OCTO Langkah 2: Pilih ikon mesej di penjuru kanan atas Laman Utama, ATAU Ketik More > Help & Support > Mailbox Langkah 3: Log masuk ke Aplikasi OCTO Langkah 4: Klik Enquiry > Credit Card > Pilih akaun Credit Card-i anda Langkah 5: Masukkan Subjek: DECLINE TAWARRUQ CC-i CONVERSION Langkah 6: Masukkan Mesej: [Masukkan 'Kod Pilihan Keluar' dari jadual di bawah] Setelah pihak bank menerima permintaan anda untuk memilih keluar, Kad Kredit-i anda akan dinyahaktifkan daripada sebarang penggunaan dan hanya akan dibatalkan setelah semua baki tertunggak di bawah Kad Kredit-i anda diselesaikan sepenuhnya.

Pilihan jika Anda Tidak Bersetuju dengan Penukaran:

Kod Pilihan Keluar	Pilihan Keluar (Opt Out)	Butiran
OPTOUT A	Pembatalan Kad Kredit-i (Penyelesaian Penuh)	Selesaikan semua baki tertunggak sebelum 31 Disember 2025 dan batalkan kad anda.
OPTOUT B	Program Auto Balance Conversion-i 36 Bulan melalui Tawarruq untuk Menyelesaikan Baki Tertunggak	Jika anda tidak dapat melunaskan baki sepenuhnya, anda boleh menukar baki tertunggak anda kepada 36 ansuran bulanan. Dengan memilih kaedah ini, anda bersetuju dengan pelantikan Bank untuk bertindak sebagai ejen anda bagi urus niaga Komoditi mengikut Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Kredit CIMB Islamic Bank Berhad yang dikemas kini pada 12 Disember 2025.
OPTOUT C	Pilihan Pembayaran Lain untuk Menyelesaikan Baki Tertunggak	Sekiranya mana-mana pilihan di atas tidak sesuai untuk anda, sila hubungi Bank untuk membincangkan pilihan pembayaran alternatif.

Nota Penting: Semasa Tempoh Penukaran (21 Disember 2025 – 5 January 2026), permohonan dan kelulusan kad akan diteruskan seperti biasa, bagaimanapun, penghantaran kad untuk kredit kad-i yang baru diluluskan semasa Tempoh Penukaran akan ditangguhkan bagi memastikan peralihan berjalan dengan lancar.

Pemohon Baharu Kad Kredit-i (sebelum 1 Januari 2026)	
Jika anda SETUJU dengan Penukaran	Senario A: Permohonan Kad Kredit-i baharu yang diluluskan dan diaktifkan sebelum Tarikh Akhir Sebelum Penukaran • Anda akan dianggap sebagai Pemegang Kad Sedia Ada. • Sila rujuk bahagian Pemegang Kad Sedia Ada di atas untuk maklumat lanjut. Senario B: Permohonan Kad Kredit-i baharu yang dihantar sebelum Tarikh Akhir Sebelum Penukaran tetapi diluluskan hanya selepas Tarikh Berkuat Kuasa Penukaran. • Dengan mengaktifkan dan menggunakan Kad Kredit-i anda, anda akan: - dianggap bersetuju dengan Penukaran, termasuk pelantikan Bank sebagai ejen anda untuk melaksanakan urusan niaga perdagangan komoditi. - terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Kredit CIMB Islamic Bank Berhad yang dikemas kini bertarikh 1 Januari 2026.
Jika anda TIDAK SETUJU dengan Penukaran	Senario A: Permohonan Kad Kredit-i baharu yang diluluskan dan diaktifkan sebelum Tarikh Berkuat Kuasa Penukaran • Anda akan dianggap sebagai Pemegang Kad Sedia Ada. • Sila rujuk bahagian Pemegang Kad Sedia Ada di atas untuk maklumat lanjut. Senario B: Permohonan Kad Kredit-i baharu yang dihantar sebelum Tarikh Akhir Sebelum Penukaran tetapi diluluskan hanya selepas Tarikh Berkuatkuasa Penukaran. • Anda boleh memilih untuk tidak mengaktifkan Kad Kredit-i yang baru diluluskan dan menghubungi Bank untuk membatalkan atau menamatkan kad tersebut.

Sebarang maklumat lanjut mengenai Tarikh Berkuat Kuasa atau perubahan lain berkaitan pelaksanaan Penukaran akan disampaikan melalui notis di laman web CIMB Malaysia atau saluran komunikasi rasmi lain.

Terima Kasih.

Pihak Pengurusan
CIMB Islamic Bank Berhad